

11.6.2020

KENYATAAN MEDIA

oleh **DATO' IR. JASENI MAIDINSA**
CEO, PBA Holdings Bhd dan PBAPP

PKPP: PBAPP BUKA SEMULA PERKHIDMATAN PELANGGAN DAN KAWASAN REKREASI DI PULAU PINANG MULAI 15 JUN 2020

- **Semua Unit Khidmat Pelanggan dibuka dari pukul 8.30 pagi – 4.30 petang, Isnin – Jumaat, dengan 100% perkhidmatan pelanggan.**
- **Kawasan rekreasi (Taman Rekreasi Bukit Dumbar, Empangan Air Itam dan Empangan Teluk Bahang) dibuka dari pukul 7.00 pagi – 7.00 malam, setiap hari.**

PULAU PINANG, Khamis, 11.6.2020: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) membuka semula perkhidmatan pelanggan dan kawasan rekreasi di Pulau Pinang mulai 15.6.2020, berikutan pengumuman Kerajaan Persekutuan mengenai Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dari 10.6.2020 - 31.8.2020.

Berikut adalah perkhidmatan yang dikemas kini untuk faedah dan kemudahan rakyat Pulau Pinang:

1. UNIT KHIDMAT PELANGGAN

9 Unit Khidmat Pelanggan (UKP) PBAPP akan beroperasi bermula pukul 8.30 pagi – 4.30 petang, Isnin – Jumaat, dari 15.6.2020 dan seterusnya. Kakitangan perkhidmatan pelanggan PBAPP akan membantu pengguna air mengenai pertanyaan, bil, pembayaran, penyelesaian masalah dan permohonan penyambungan dan pemotongan bekalan air.

Pelanggan harus ambil perhatian bahawa untuk memasuki premis UKP adalah tertakluk kepada Prosedur Operasi Standard KKM/MKN, seperti berikut:

- Pelanggan yang mempunyai gejala seperti selsema, batuk, sakit tekak dan/atau demam tidak dibenarkan masuk.
- Diwajibkan memakai pelitup mulut dan hidung ketika berada di premis pada setiap masa.
- Diwajibkan mencuci tangan di pintu masuk.
- Diwajibkan mengimbas suhu badan: pelawat yang mempunyai suhu badan 37.5°C dan ke atas tidak dibenarkan masuk.
- Diwajibkan mendaftar secara individu (menerusi kod QR “PgCare” atau pendaftaran bertulis).

Pelanggan yang memilih pembayaran bil air yang lebih selamat dan “tanpa kontak” mempunyai pilihan untuk membayar bil air mereka menerusi aplikasi mudah alih “myPBA” (muat turun dari *Apple App Store* atau *Google Play Store*) atau “JomPAY” (kod pengebil: 50385).

Hantaran dan video arahan untuk pembayaran atas talian “myPBA” dan “JomPAY” telah dimuat naik ke laman web PBAPP ([www.pba.com.,my](http://www.pba.com.my)) dan *facebook* PBAPP Penang.

Pelanggan air berdaftar boleh mendapatkan nasihat dan bantuan mengenai perkhidmatan pelanggan di mana-mana UKP PBAPP, atau menghubungi Pusat Panggilan 24 jam kami (no tel: 04 255 8 255).

2. KAWASAN REKREASI PBAPP

Kawasan rekreasi popular berikut akan dibuka semula untuk orang ramai, dari jam 7.00 pagi – 7.00 malam setiap hari, bermula dari 15.6.2020:

- **Taman Rekreasi Bukit Dumbar**
- **Empangan Air Itam**
- **Empangan Teluk Bahang**

Bagaimanapun, jumlah pengunjung maksimum dihadkan kepada hanya **200 pelawat pada satu-satu masa.**

Sebelum masuk, pengunjung diminta untuk mendaftar secara individu (melalui aplikasi “PgCare” atau pendaftaran bertulis) dan menjalani pemeriksaan suhu wajib di pos Polis Bantuan PBAPP.



PBA

Perbadanan Bekalan Air
Pulau Pinang Sdn Bhd
199901001061 (475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda

Meeting all your water supply needs

Akses ke kawasan rekreasi ini hanya **untuk aktiviti riadah individu yang selamat. Semua aktiviti berkumpulan dilarang sama sekali.** Hakikatnya, pengunjung mesti memastikan untuk menjaga **jarak sosial yang selamat antara 3m - 5m ketika bersenam.**

Dilarang sama sekali meludah dan membuang sampah (termasuk pembuangan topeng). Pengunjung mesti menjaga kebersihan diri dan menjaga kebersihan persekitaran.

Anggota Polis Bantuan PBAPP bertugas untuk memantau perkembangan dan memastikan aktiviti yang selamat di kawasan berkenaan.

Harap maklum bahawa PBAPP membuka semula kemudahan rekreasi ini seperti yang diperuntukkan di bawah PKPP, untuk manfaat rakyat Pulau Pinang yang gemarkan aktiviti bersenam dan bersantai di persekitaran hijau.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my